



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN



OKTOBER

BULLETIN MAQIS 2025



www.maqis.gov.my



maqismalaysia



2 OKTOBER 2025 | KEDAH

Kunjungan hormat Pengarah MAQIS Negeri Kedah ke Pejabat YB Dato' Hajjah Halimaton Shaadiah binti Saad bagi membincangkan kerjasama antara MAQIS Negeri Kedah dan pihak YB dalam usaha mempertingkatkan peranan jabatan dalam kawalan biosekuriti, keselamatan makanan, serta kelestarian pertanian di Negeri Kedah.

6 OKTOBER 2025 | JEMPOL, NEGERI SEMBILAN

Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Taktikal bagi Program Upskilling Pegawai Penguatkuasa Agensi Regulatori dan Penguatkuasaan Agromakanan Malaysia (MAREA) di PULAPOL Air Hitam telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Shamsul Akbar bin Sulaiman, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

Kursus ini telah berlangsung selama 5 hari, bermula pada 30 September hingga 5 Oktober 2025, dengan penyertaan seramai 143 peserta. Para peserta telah didedahkan kepada 4 modul utama iaitu Modul Kawad Tangan, Modul Seni Mempertahankan Diri (SMD) yang merangkumi teknik tangkapan, T-Baton dan Karate, Modul Pengenalan Senjata Api, serta Modul Integriti dan Sahsia Diri.






6 OKTOBER 2025 | SERI MANJUNG, PERAK

Kunjungan hormat Pengarah MAQIS Negeri Perak ke Pejabat Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Seri Manjung Perak.

Kunjungan ini bertujuan menjalin hubungan strategik dengan barisan kepimpinan baharu LKIM serta memperkukuh kerjasama antara MAQIS, PENGGERAK, dan LKIM dalam pelbagai aspek, termasuk keselamatan makanan, pematuan peraturan kuarantin, serta pengurusan dan pembangunan sektor perikanan di Negeri Perak.

7 OKTOBER 2025 | BUKIT KAYU HITAM, KEDAH

Program Simulasi Rabies telah dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah dengan kerjasama MAQIS Negeri Kedah. Program latihan ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan serta memperkukuh koordinasi antara agensi di pintu masuk negara dalam menghadapi sebarang kemungkinan kejadian rabies. MAQIS Negeri Kedah komited untuk terus bekerjasama dengan agensi berkaitan dalam memastikan keselamatan biosekuriti dan kesihatan awam veterinar sentiasa terpelihara.





9 OKTOBER 2025 | KUALA LUMPUR

Himpunan Solidariti bersama Gaza: “Gelombang Malaysia, Palestin Merdeka”

Ketua Pengarah MAQIS, Tuan Shamsul Akbar bin Sulaiman, hadir bersama barisan pegawai MAQIS untuk menyatakan solidariti serta bersama-sama menjayakan hasrat murni ini.

11 OKTOBER 2025 | JOHOR BAHRU

Kejohanan Bowling MAQIS Negeri Johor 2025

Sempena Hari Sukan Negara 2025, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Negeri Johor telah menganjurkan Kejohanan Bowling yang berlangsung di Lite Superbowl Pelangi Lesiure Mall, Johor Bahru dengan penuh semangat kesukanan dan kemeriahan.





11 OKTOBER 2025 | LABUAN

MAQIS Wilayah Persekutuan Labuan telah menyertai 3 km Fun Walk Belia Kitani sempena Hari Sukan Negara peringkat W.P. Labuan 2025.

12 OKTOBER 2025 | KEDAH

Hari Sukan Negara MAQIS Negeri Kedah bertemakan “Pakaian Tradisional”.

Bersempena sambutan Hari Sukan Negara, MAQIS Negeri Kedah telah menganjurkan satu program Explorace yang penuh dengan semangat kesukanan dan kebersamaan. Program ini disertai oleh seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada pegawai serta kakitangan MAQIS Negeri Kedah.





13 OKTOBER 2025 | PULAU PINANG

Pengarah SPRM Negeri Pulau Pinang menerima kunjungan hormat Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

Datuk TPj Karunanithy a/l Y. Subbiah, Pengarah SPRM Negeri Pulau Pinang telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan Shamsul Akbar bin Sulaiman, Ketua Pengarah MAQIS di Kompleks SPRM Pulau Pinang. Kunjungan hormat ini bertujuan bagi mengeratkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin antara kedua-dua pihak.

13 OKTOBER 2025 | SELANGOR

Liga Piala Pengarah MAQIS Negeri Selangor

Bersempena dengan Hari Sukan Negara, Kelab Sukan dan Kebajikan MAQIS Negeri Selangor (KSK MAQIS Selangor) telah menganjurkan Liga Piala Pengarah MAQIS Negeri Selangor. Liga ini diadakan bagi merebut Piala Pusingan Pengarah MAQIS Negeri Selangor. Pelbagai sukan telah dirancang dan acara dimulakan dengan sukan badminton.





13 OKTOBER 2025 | KUANTAN, PAHANG

Hari Sukan Negara MAQIS Negeri Pahang dan Terengganu

Bersempena dengan Hari Sukan Negara, MAQIS Pahang dan Terengganu telah menganjurkan satu kejohanan bowling bertempat di Playground Semambu, Kuantan. Kejohanan ini disertai oleh seramai 18 orang peserta yang terdiri daripada pegawai serta kakitangan MAQIS Negeri Pahang dan Terengganu.

13 OKTOBER 2025 | KUANTAN, PAHANG

MAQIS Negeri Pahang dan Terengganu telah menganjurkan Program Hari Cuci Malaysia 2025 bersama dengan komuniti setempat bertempat di Masjid Al Hidayah Sungai Panching Timur, Kuantan, Pahang.

Turut sama hadir dalam menjayakan program ini adalah Pengarah MAQIS Negeri Pahang dan Terengganu, Tuan Jaeh bin Saliman bersama dengan Ketua Pintu Masuk MAQIS Negeri Pahang, Puan Norfarkeriah binti Kamaruzaman serta pegawai-pegawai MAQIS Negeri Pahang dan Terengganu.





14 OKTOBER 2025 | IPOH, PERAK

MAQIS Negeri Perak telah mengadakan sambutan Hari Sukan Negara peringkat negeri sebagai inisiatif untuk memupuk semangat kesukanan, mengeratkan hubungan silaturahmi antara warga kerja serta menggalakkan amalan gaya hidup sihat.

Program ini telah diadakan dengan penyertaan aktif daripada semua warga MAQIS dan turut dihadiri oleh Pengarah MAQIS Negeri Perak serta Ketua-Ketua Pintu Masuk. Pelbagai aktiviti menarik dan riadah seperti larian, sukaneka dan acara permainan santai telah dianjurkan sepanjang program ini.

15 OKTOBER 2025 | PUTRAJAYA

Kunjungan hormat daripada JPKK Kampung Kenangan, Segamat, Johor.

Ibu Pejabat MAQIS telah menerima kunjungan daripada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Kenangan, Segamat, Johor bersempena pelaksanaan Projek Kampung Angkat MADANI.





15 OKTOBER 2025 | KLANG, SELANGOR

Kunjungan hormat Pengarah MAQIS Negeri Selangor ke atas Pengarah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Negeri Selangor.

Pengarah MAQIS Negeri Selangor, Tuan Abdul Muhyi bin Mohamad Hatta telah melakukan satu kunjungan hormat ke Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Negeri Selangor.

15 - 16 OKTOBER 2025 | BUKIT KAYU HITAM, KEDAH

Lawatan kerja MAQIS Kelantan ke premis kuarantin di sekitar Bukit Kayu Hitam.

Lawatan ini bertujuan untuk menilai dan memantau pelaksanaan prosedur kuarantin yang dijalankan oleh premis-premis terlibat, serta memastikan pematuhan terhadap peraturan dan syarat import atau eksport yang ditetapkan.





16 OKTOBER 2025 | SEPANG, SELANGOR

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Bilangan 3 Tahun 2025.

Pelaksanaan mesyuarat ini bertujuan memperkukuh hubungan dua hala antara pihak pengurusan dan kakitangan melalui perbincangan isu-isu kebajikan, kesejahteraan dan pembangunan persekitaran kerja yang kondusif di MAQIS.

21 OKTOBER 2025 | KOTA BHARU, KELANTAN

Kunjungan hormat ke atas YB Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj bin Tengku Feissal (Tengku Kaya Perkasa), Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, bertempat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Kompleks Kota Darulnaim, Kota Bharu.

Kunjungan ini bertujuan untuk memperkukuh hubungan strategik dan kerjasama dua hala antara MAQIS dan Kerajaan Negeri Kelantan dalam memastikan pelaksanaan fungsi kawalan biosekuriti pertanian dapat dijalankan dengan lebih berkesan.





21 OKTOBER 2025 | KOTA BHARU, KELANTAN

Sesi Libat Urus Penubuhan Agensi Regulatori dan Penguatkuasaan Agromakanan Malaysia (MAREA) Peringkat Negeri Kelantan

Turut terlibat dalam sesi ini ialah 7 agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), iaitu Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), serta Kawalselia Padi dan Beras (KPB).

22 OKTOBER 2025 | ISTANA NEGARA

Yang di-Pertuan Agong berkenan menerima mengadap Ketua Pengarah MAQIS dan Pemangku Ketua Pengarah Veterinar.

KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim, berkenan menerima mengadap Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) di Istana Negara.





22 OKTOBER 2025 | PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN

Pengauditan pengurusan perolehan aset Pejabat MAQIS Port Dickson, Negeri Sembilan, oleh wakil Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

24 OKTOBER 2025 | KUANTAN, PAHANG

Kunjungan hormat MAQIS Negeri Pahang dan Terengganu ke Bahagian Kesihatan Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Negeri Pahang.

Kunjungan hormat MAQIS Negeri Pahang dan Terengganu ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang bertujuan membincangkan kerjasama strategik dalam melaksanakan prosedur tatacara kuarantin, terutamanya yang melibatkan premis kuarantin haiwan. Kunjungan ini diketuai oleh Pn. Norfarkeriah binti Kamaruzaman, Ketua Pintu Masuk MAQIS Negeri Pahang dan Terengganu.





24-26 OKTOBER 2025 | BATU PAHAT, JOHOR

Karnival Agro Johor 2025, Daerah Batu Pahat.

Karnival bertemakan “Pertanian Inovatif, Hasil Produktif” telah dirasmikan oleh YAB Dato’ Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor. Dalam majlis perasmian tersebut, turut berlangsung sesi pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara Johor Biotech dengan 8 syarikat peneraju bagi pelaksanaan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Negeri Johor (Johor Agriculture Research and Development Centre – J-ARDC), dengan jumlah pelaburan keseluruhan bernilai RM212.65 juta.

28 OKTOBER 2025 | BUTTERWORTH, PULAU PINANG

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Fasilitasi Perdagangan (JKTFP) MAQIS Negeri Pulau Pinang bersama pihak industri di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Bil. 2/2025.

Mesyuarat kali kedua dalam tempoh setahun ini dipengerusikan oleh Tuan Muhammad Ikram bin Abd Talib, Pengarah MAQIS Negeri Pulau Pinang. Mesyuarat ini bertujuan memperhalusi usul dan cadangan yang diketengahkan oleh pihak industri dalam menangani isu-isu yang dibangkitkan, agar setiap titik permasalahan dapat diselesaikan dengan penuh toleransi.





30 OKTOBER 2025 | PUTRAJAYA

Sambutan Hari Terbuka Sumber Manusia, Integriti & Konvensyen AKRAB peringkat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Tahun 2025.

MAQIS menampilkan pameran interaktif yang memperkenalkan peranan penting jabatan dalam memastikan keselamatan dan keterjaminan makanan negara.

31 OKTOBER 2025 | BUTTERWORTH, PULAU PINANG**Program Hari Perikanan Tahun 2025.**

MAQIS Negeri Kedah turut serta dalam menjayakan program ini dengan mempamerkan barangan rampasan berkaitan bidang perikanan, sebagai usaha memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan pematuhan undang-undang bagi melindungi sumber perikanan negara.





OKTOBER

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

SHAMSUL AKBAR BIN SULAIMAN

Ketua Pengarah MAQIS

PENASIHAT

DR. AZHARI SHARIDAN BIN ABU BAKAR

Timbalan Ketua Pengarah MAQIS

KETUA EDITOR

MOHAMMAD FADZLI BIN MOHD NAIM

Unit Komunikasi Korporat (UKK) MAQIS

EDITOR

AWANG SADDAM HUSSAIN BIN AWANG DRAHMAN

Unit Komunikasi Korporat (UKK) MAQIS Pulau Pinang



www.maqis.gov.my



[maqismalaysia](https://www.facebook.com/maqismalaysia)